



"The Entrepreneurial University"

Portal Rasmi  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Bahasa Melayu English Lain-lain | ●●●

Carian...

Staf  
Email Staf  
Portal Staf

[Utama](#)

[Info UMK](#)

[Pra-Siswazah](#)

[Pascasiswazah](#)

[Fakulti /Pusat](#)

[Fakulti Keusahawanan & Perniagaan](#)

[Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan](#)

[Fakulti Perubatan Veterinar](#)

[Fakulti Industri Asas Tani](#)

[Fakulti Sains Bumi](#)

[Pusat Bahasa dan Pembangunan Insaniah](#)

[Pusat Pengajian Siswazah](#)

[Kampus](#)

Laman Facebook Alumni  
Laman Web HEPA  
Pelajar

[Utama](#) ▶ [Berita Terkini](#) ▶ [Pilihanraya UMK Sesi 2012/2013 berjalan lancar](#)

## Pilihanraya UMK Sesi 2012/2013 berjalan lancar



PROSES pilihanraya bagi pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Kelantan sesi 2012/2013 di Kampus Kota dan Kampus Jeli berjalan lancar tanpa sebarang masalah dan provokasi oleh mana-mana pihak membuktikan amalan demokrasi terus subur diamalkan demi kepentingan masa depan mahasiswa dan Universiti.

Biarpun tanpa keghairahan bertanding mengikut kelompok proaspirasi atau promahasiswa dalam pilihan raya yang berlangsung, calon-calon yang menawarkan diri untuk bertanding lebih bersandarkan nama dan peribadi mereka.

Sebelum itu, di UMK kampus Bachok menyaksikan satu kerusi umum dan dua kerusi Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) diumumkan menang tanpa bertanding selepas tiada pencalonan lain diterima sebaik sahaja proses penamaan calon tamat pada 23 September 2012.

Menurut Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), YBhg. Prof. Madya Abdul Aziz bin Ab. Latif, calon yang memenangi kerusi umum itu ialah Muhammad Adli Hakim Dzulkamal, 20, manakala dua lagi calon yang menang tanpa bertanding bagi kerusi FTKW ialah Huseen Mohamed dan Mohamad Zamani Ramly.

Dalam pada itu, dua calon turut diumumkan menang tanpa bertanding ialah Nurul Aliya Roslan dan Ahmad Hanif M. Amin bagi merebut kerusi Fakulti Perubatan Veterinar (FPV).

Beliau berkata, sementara itu dalam perkembangan pilihanraya di UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, yang berlangsung semalam, bagi kerusi calon Umum dimenangi oleh Muhamad Amerul Muhamad dengan 1,008 undian manakala Nabilah Mamat memperoleh 868 undian.

"Manakala, bagi dua kerusi Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) menyaksikan Amirul Hafiz bin Abdul Razak menerima 822 undian dan Muhammad Amir Sodikin bin Hassan mendapat 572 undian," katanya.



Beliau berkata demikian ketika mengumumkan keputusan pilihan raya di kampus Kota UMK pada jam 5.30 petang semalam yang mencatatkan peratusan penuntut keluar mengundi di kampus Kota ialah 85.28 peratus membabitkan 2458 penuntut.

Sementara itu, dalam perkembangan sama pilihanraya di UMK Kampus Jeli menyaksikan satu kerusi Umum serta empat kerusi fakulti di pertandingan.

Menurut Prof. Madya Abdul Aziz yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Induk Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) berkata, berdasarkan keputusan rasmi yang diumumkan oleh UMK Kampus Jeli, bagi calon kerusi umum dimenangi oleh Nik Ahmad Fadhil bin Nik Mahyudin dengan 481 undian.

"Pemilihan bagi kerusi umum UMK Kampus Jeli yang berlangsung semalam mencatatkan bilangan paling ramai bertanding iaitu seramai tujuh orang calon bagi merebut satu kerusi umum yang dipertandingkan," ujarnya lagi.

Sementara itu, empat calon bertanding bagi merebut dua kerusi Fakulti Sains Bumi (FSB) yang berpihak kepada Siti Nur Liyana binti Adzman dengan memperoleh 368 undian manakala Azhari bin Zainuddin mendapat undian sebanyak 359 undi.

Manakala, bagi keputusan bagi calon kerusi Fakulti Industri Asas Tani (FIAT), Fathin Nabilah memperoleh 406 undian manakala Mohd Irfan bin Sahibul Barkri mendapat 457 undian.

Peratusan keluar mengundi di UMK Kampus Jeli mencatatkan 90 peratus dengan 1260 pelajar keluar mengundi selepas proses mengundi tamat jam lima petang.



Bilangan Pelawat :  
297654

[Penafian](#)  
[Dasar Privasi](#)  
[Dasar Keselamatan](#)  
[Soalan Lazim](#)  
[Hubungi Kami](#)  
[Bantuan](#)  
[Peta Laman](#)

Hakcipta © 2012 Portal Rasmi Universiti Malaysia Kelantan.  
 Paparan Terbaik Mozilla/Firefox/IE/Safari/Camino/Opera Friendly  
 Universiti Malaysia Kelantan, Karung Berkunci 36, 16100 Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan  
 Tel : +609 - 7717000  
 Fax : +609 - 7717022  
 Email : webmaster@umk.edu.my  
 Tarikh Kemaskini: 05/11/2012, 00:33:29.